

KAJIAN-MAHATHIR : EMBARGO UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 3.30 PETANG 29  
nkc.

1984

KUALA LUMPUR, 29 MAC (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA RAKYAT PERLU MENERIMA HAKIKAT BAHAWA NEGARA SEDANG MENGHADAPI MASA YANG SUKAR AKIBAT KESAN-KESAN KEMELESETAN EKONOMI DUNIA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN OLEH ITU MEREKA HENDAKLAH SANGGUP MEMIKUL BEBAN UNTUK MEMBUAT PENYESUAIAN-PENYESUAIAN TERTENTU JIKA MAHU MEMPERKUKUHKAN PENCAPAIAN NEGARA DAN SETERUSNYA MENYEDIAKAN ASAS PEMULIHAN EKONOMI DAN PERTUMBUHAN DENGAN LEBIH PESAT LAGI.

DALAM KATA PENDAHULUANNYA DALAM KAJIAN SEPARUH PENGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT YANG DIBENTANGKAN DI PARLIMEN HARI INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENYESUAIAN-PENYESUAIAN LITU ADALAH UNTUK MEMPERBAIKI DAN MEMPERBAHARUI LANGKAH-LANGKAH EKONOMI YANG BOLEH MEMBANTU MENGHASILKAN KEKAYAAN DALAM BENTUK KEBENDAAN.

→ SELAIN ITU PENYESUAIAN JUGA PERLU DIBUAT UNTUK HENERAPKAN NILAI-NILAI PROGRESIF OLEH SEMUA RAKYAT UNTUK MELAKSANAKAN PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG DIPERTUKAN.

BELIAU BERKATA BUKTI-BUKTI DAN TANDA-TANDA YANG MENUNJUKKAN NEGARA PERLU MENGHADAPI PERUBAHAN-PERUBAHAN ADALAH NYATA DAN RAKYAT MESTILAH SEDAR TERHAOAP SUASANA YANG KIAN BERUBAH ITU.-- LAGI 1133/NB  
ZCZC B527

KAJIAN-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI JUGA MENEGASKAN BETAPA PERLUNYA KERAJAAN DENGAN BANTUAN DAN KERJASAMA RAKYAT MENGEKALKAN WARISAN KESTABILAN YANG DINIKMATI SEKARANG UNTUK DIKURNIAKAN KEPADA GENERASI MASYARAKAT AKAN DATANG.

KESTABILAN, KATANYA, ADALAH PERLU BAGI MANA-MANA NEGARA JILKA IA MAHU TERUS MENCAPAI KEMAKMURAN.

PENGALAMAN PEMBANGUNAN DI KEBANYAKAN NEGARA DUNIA KETIGA PADA TAHUN-TAHUN SELEPAS PERANG, MENURUTNYA, MENUNJUKKAN BANYAK BERLAKU KEADAAN YANG TIDAK STABIL DAN YANG BERGOLAK.

→ MALAYSIA BERNASIB BAIK KERANA TIDAK MENEMPUH PENGALAMAN-PENGALAMAN SEPERTI INI. SUNGGUHPUN TERDAPAT KEADAAN-KEADAAN YANG BOLEH MEROSAKKAN PERPADUAN NEGARA, KITA TELAH BERJAYA MENGEKALKAN KESTABILAN. +

TERDAHULU ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEJAK RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT DILANCARKAN KEADAAN EKONOMI DUNIA BERTAMBAH BURUK.

SUNGGUHPUN INI TELAH DIJANGKA LEBIH AWAL, KEMELESETAN YANG SEBENARNYA ADALAH LEBIH BURUK DAN JANGKAMANYA LEBIH LAMA DARI ADA YANG DIRAMALKAN DAN PERKEMBANGAN INI TELAH MENJEJASKAN PRESTASI EKONOMI NEGARA, TAMBAHNYA.-- LAGI 1136/NB

## KAJIAN-MAHATHIR 3 KUALALUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA PRESTASI EKONOMI NEGARA, WALAUPUN LEBIH RENDAH DARIADA YANG TELAH DICAPAI PADA TAHUN-TAHUN LALU, TERUS MENGALAKKAN JIKADIBANDINGKAN DENGAN PRESTASI BEBERAPA NEGARA LAIN YANG TELAH TIDAK MENGALAMI PERTUMBUHAN ATAU MENGALAMI KADAR PERTUMBUHAN YANG NEGATIF.

+ RAKYAT MALAYSIA TERUS MENIKATI TARAF HIDUP YANG AGAK TINGGI. + DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MASALAH EKONOMI YANG DIALAMI MENYEBABKAN NEGARA TERPAKSA MENGAMALKAN SATU PENDEKATAN YANG BERLAINAN.

BAGI MENGATASI KESAN-KESAN KEMELESETAN EKONOMI DUNIA, KERAJAAN, KATANYA, TELAH PUN MENGAMBIL TINDAKAN-TINDAKAN YANG SUKAR BERTUJUAN MENGURANGKAN PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN.

DI SAMPING ITU TINDAKAN-TINDAKAN MENYEKAT PERBELANJAAN YANG 6 KURANG PENTING DI SEMUA PERINGKAT PENTADBIRAN JUGA TELAH DILASANAKAN.

BELIAU MENERANGKAN LANGKAH-LANGKAH INI AMAT PERLU MEMANDANGKAN KESAN-KESAN KEMELESETAN EKONOMI SERTA AKIBATNYA GTERHADAP SUMBER-SUMBER KEWANGAN KERAJAAN.

+ BAGAIMANAPUN TSNDAKAN-TINDAKAN MENGURANGKAN DAN MENYEKAT PERBELANJAAN INI TELAH DIJALANKAN DENGAN BERHATI-HATI BAGI MENGELAKKAN KESAN YANG TIDAK DIINGINI KE ATAS PELAKSANAAN PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN, KHUSUSNYA YANG MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PENCAPAIAN D A S A R EKONOMI BARU, + TEGASNYA. -- LAGI 1140/NB

## KAJIAN-MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

LAPORAN SETEBAL 471 HALAMAN I T U MENGANDUNGI 17 BAB.

SELAIN MENGHURAIIKAN KEMAJUAN-KEMAJUAN YANG DICAPAI DALAM PELAKSANAAN RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT CARI TAHUN 1981 HINGGA 1983, IA JUGAMENERANGKAN ARAH BARU DALAM PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN STRATEGI.

DISUSUN OLEH UNIT PERANCANG EKONOMI DENGAN KERJSAMA AGENSI-AGENSI KERAJAAN YANG LAIN, IA MENGAMBIL MASA KIRA-KIRA DUA TAHUN.

KAJIAN SEPARUH PENGGAL KALI INI BERBEZA DENGAN KAJIAN-KAJIAN SEBELUMNYA KERANA IA BUAT PERTAMA KALI MEMAPARKAN CARTA-CARTA DAN ILUSTRASI. -- BERNAMA 1143/NB